

27 APR 2003

Samy-Jelapang/I

PEMINDAHAN PLAZA TOL JELAPANG DITANGGUH

SUNGAI SIPUT, 27 April (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini berkata cadangan pemindahan Plaza Tol Jelapang dan Ipoh Selatan di Lebuhraya Utara-Selatan ditangguh ke satu masa yang belum ditetapkan.

Samy Vellu berkata Kementerian perlu menilai semula rancangan itu yang bertujuan mengurangkan kemalangan di Plaza Tol Jelapang berikutan kosnya yang tinggi iaitu sebanyak RM240 juta dan bantahan oleh banyak pihak.

"Banyak orang menentanginya dan lagipun kita tidak mempunyai wang sebanyak itu sekarang. Jadi, kami menangguhkan dulu pemindahan itu," katanya selepas menghadiri mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Sungai Siput di sini.

Mesyuarat berkenaan dirasmikan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Brig Jen (R) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Berikutan kemalangan yang kerap berlaku di Plaza Tol Jelapang, Samy Vellu mengumumkan ia akan dipindahkan ke tempat yang lebih sesuai. Bagaimanapun, cadangan itu pada awalnya dibantah oleh Kerajaan Negeri Perak kerana bimbang ia akan menghapuskan pengecualian bayaran tol bagi jarak sepanjang 15 km Lebuhraya Utara Selatan itu yang merentasi bandaraya Ipoh.

Pada Okt tahun lepas, Kerajaan Negeri Perak dan Kementerian Kerja Raya bersetuju dengan pemindahan itu selepas sebatang jalan dua lorong yang selari dengan lebuhraya itu dicadangkan manakala pengguna lebuhraya yang menuju ke utara atau selatan tidak perlu lagi berhenti untuk membayar tol seperti sekarang.

Cadangan itu juga membabitkan pembinaan 15 jambatan yang merentasi Sungai Pinji, Sungai Kinta, Sungai Pari, Jalan Keretapi, Jalan Kuala Kangsar, kawasan Tasek dan Ampang Baru serta sebuah persimpangan bertingkat berhampiran Jalan Kuala Kangsar.

Kerajaan Negeri Perak sebaliknya mencadangkan agar Plaza Tol Jelapang dipindahkan ke kawasan antara Kuala Kangsar dan Sungai Perak manakala Plaza Tol Ipoh Selatan dikekalkan di tempatnya sekarang. Cadangan ini bagaimanapun tidak dipersetujui oleh Samy Vellu ketika itu.

Ditanya adakah Kementerian beliau akan menimbang semula cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Perak itu kerana ia lebih murah dan cepat untuk dilaksanakan, Samy berkata perkara itu tidak timbul sekarang.

Samy sebaliknya berkata cadangan Kementerian boleh dilaksanakan apabila lebuhraya berkenaan dilebarkan pada masa akan datang.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas apabila ditanya tentang keselamatan mereka yang menggunakan laluan itu sekarang serta langkah yang telah diambil bagi memastikan kemalangan tidak lagi berlaku di plaza tol terbabit.

Diminta mengulas tentang tindakan majalah "Economist" yang menyiarkan laporan tidak tepat mengenai kemajuan yang dicapai oleh Malaysia dan mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Samy berkata laporan itu merupakan tuduhan liar.

Mereka tidak mendapat gambaran sebenar tentang apa yang berlaku di negara ini. Mereka hanya menutup mata dan melemparkan tuduhan terhadap orang lain...majalah itu perlu meminta maaf berhubung perkara ini," katanya.

Samy berkata, di bawah pimpinan Dr Mahathir, Malaysia mencatat banyak kejayaan, aman dan tidak menghadapi masalah kaum berbanding negara lain.

-- BERNAMA

AR SP PR

